

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : Y.B. TUAN LUKANISMAN BIN AWANG  
SAUNI  
[ SIBUTI ]**

**SOALAN NO. 238**

**Y.B. TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [ SIBUTI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah penerima Bantuan Sara Hidup tahun 2018 dan 2019 bagi Parlimen Sibuti dan berapakah jumlah penerima BSH 2019 yang telah menerima bantuan MySalam sejak mula diperkenalkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bantuan Sara Hidup (BSH) merupakan salah satu bantuan bersasar bagi golongan berpendapatan rendah (B40) meringankan kos sara hidup mereka di samping membuktikan keprihatinan Kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan yang memerlukan dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat. BSH 2019 akan mengutamakan keluarga dengan menyediakan kadar tambahan untuk setiap orang anak berumur 18 tahun ke bawah terhad kepada 4 orang, kecuali anak OKU yang tidak dihadkan umur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran fasa kedua BSH 2019 melibatkan peruntukan sebanyak RM1.42 bilion dan memanfaatkan hamper 3.6 juta penerima BSH. Jumlah penerima BSH 2019 di Sarawak adalah dianggarkan seramai 416 ribu berdasarkan proses verifikasi yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Sehingga 8 Julai 2019, anggaran sebanyak 861 penerima BSH 2019 yang layak telah menerima bantuan Skim mySalam merangkumi pembayaran sebanyak RM8,000 satu kali/sekaligus sekiranya mereka disahkan menghidapi mana-mana satu daripada 36 penyakit kritikal serta bayaran penggantian pendapatan sebanyak RM50 sehari untuk tempoh maksimum 14 hari, atau pembayaran maksimum RM700 setiap tahun.